

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

3757/1

EKONOMI ASAS

Kertas 1

Nov./Dis.

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

- 1 Apakah yang dikaji dalam ilmu ekonomi?
- A Mengimbangi tingkat keuntungan dengan kos pengeluaran
 - B Menjalankan projek pembangunan untuk kebajikan rakyat
 - C Menyelesai masalah kehendak dan keperluan manusia dalam kehidupan
 - D Menggunakan faktor pengeluaran yang terhad bagi memenuhi kehendak tidak terhad
- 2 Pasangan manakah yang betul tentang sumber ekonomi?

	Sumber Ekonomi	Keterangan
A	Modal	Input produktif yang digunakan dalam proses pengeluaran.
B	Tanah	Sumber yang diperlukan dalam pengeluaran dan penawarannya tidak terhad.
C	Buruh	Individu yang menggabungkan sumber ekonomi untuk menghasilkan output.
D	Usahawan	Individu yang memberi sumbangan produktif sama ada dalam bentuk fizikal dan mental.

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ekonomi yang dihadapi oleh firma NQA.

Teknik Pengeluaran	Telefon Bimbit (unit)	Komputer Peribadi (unit)
A	160	40
B	110	95

Berapakah kos lepas sekiranya firma NQA menukar teknik pengeluaran dari A ke B?

- A 50 unit telefon bimbit
- B 160 unit telefon bimbit
- C 40 unit komputer peribadi
- D 55 unit komputer peribadi

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi sebuah firma.

- Mengeluarkan barang dengan cara memaksimumkan keuntungan
- Bergantung kepada corak agihan pendapatan

Apakah masalah asas ekonomi yang dapat diselesaikan oleh firma tersebut?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Berapa yang hendak dikeluarkan
 - III Bagaimana hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapa dikeluarkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Maklumat berikut menerangkan ciri suatu sistem ekonomi.

- Pengguna dan pengeluar bebas memiliki sumber ekonomi
- Cara pengeluaran barang awam ditentukan oleh kerajaan

Apakah sistem ekonomi tersebut?

- A Kapitalis
 - B Islam
 - C Campuran
 - D Perancangan pusat
- 6 Antara yang berikut, yang manakah faedah sampingan?
- A Upah
 - B Rawatan perubatan
 - C Pejabat berhawa dingin
 - D Peluang kenaikan pangkat
- 7 Mengapakah pemberi pinjaman perlu dibayar ganjaran faedah?
- A Meningkatkan daya produktiviti
 - B Menampung kekurangan wang semasa
 - C Menambah keuntungan pada masa depan
 - D Menanggung risiko pinjaman tidak dibayar balik

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan dan potongan wajib Encik Husni bagi tempoh satu bulan.

Butiran	RM
Sewa rumah	400
Insurans	60
Cukai pendapatan	25
KWSP	330
Zakat	50

Berapakah jumlah potongan wajib Encik Husni?

- A RM405
B RM415
C RM460
D RM465
- 9 Antara yang berikut, yang manakah menerangkan konsep keperluan?
- A Sama untuk semua individu
B Mempunyai barang pengganti
C Dimiliki untuk keselesaan hidup
D Dipengaruhi oleh tingkat pendapatan
- 10 Pernyataan manakah yang menunjukkan Hafidz membuat pelaburan?
- A Membeli polisi insurans nyawa
B Membina rumah kediaman sendiri
C Menambah pemilikan sijil simpanan premium
D Menghantar pekerja berkursus teknologi maklumat
- 11 Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.


Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
8	6
10	4

Jadual 1

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga naik dari RM8 ke RM10?

- A 0.40
B 0.75
C 1.33
D 2.50

12 Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan kek lapis Sarawak.



Rajah 1

Jika titik kordinat asal ialah X, antara titik A, B, C dan D, yang manakah titik kordinat baharu bagi kek tersebut apabila tiba musim perayaan?

- 13 Ciri manakah yang benar tentang keanjalan permintaan tak anjal?
- A Kecerunan keluk permintaan adalah lebih curam
 - B Pekali keanjalan harga permintaan lebih daripada satu
 - C Pengeluar menurunkan harga barang untuk meningkatkan hasil jualan
 - D Peratus perubahan kuantiti yang diminta lebih besar daripada peratus perubahan harga
- 14 Pernyataan manakah yang benar tentang firma?
- A Berperanan membekalkan sumber ekonomi
 - B Bermatlamat untuk memaksimumkan kepuasan
 - C Melaburkan semula keuntungan untuk membesarkan perniagaan
 - D Merupakan unit ekonomi yang menggunakan barang dan perkhidmatan


15 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran suatu barang oleh firma XYZ.

- Kos tetap RM800
- Kos berubah RM300
- Kos purata RM5

Berapakah jumlah keluaran firma tersebut?

- A 100 unit
- B 220 unit
- C 368 unit
- D 460 unit

16 Rajah 2 menunjukkan perubahan penawaran terhadap motosikal.



Rajah 2

Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan perubahan penawaran tersebut?

- A Harga besi meningkat
- B Penggunaan teknologi robotik meningkat
- C Harga motosikal dijangka naik pada masa hadapan
- D Cukai eksais ke atas pengeluaran tempatan meningkat

17 Jadual 2 menunjukkan output dan jumlah kos bagi suatu barang.


Output (unit)	Jumlah Kos (RM)
0	20
2	42
4	60

Jadual 2

Berapakah kos sut pada output yang ke-4?

- A RM9
- B RM15
- C RM17
- D RM18

18 Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Rajah 3

Berapakah nilai N jika keanjalan harga penawaran barang tersebut ialah 8.0?


- A 180 unit
- B 360 unit
- C 400 unit
- D 480 unit

19 Jadual 3 menunjukkan penawaran barang bagi tiga buah firma.

Harga (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)		
	Firma X	Firma Y	Firma Z
7	2	3	5
14	4	6	10

Jadual 3

Rajah manakah menunjukkan keluk penawaran pasaran barang tersebut?







19 Jadual 3 menunjukkan penawaran barang bagi tiga buah firma.


Harga (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)		
	Firma X	Firma Y	Firma Z
7	2	3	5
14	4	6	10

Jadual 3

Rajah manakah menunjukkan keluk penawaran pasaran barang tersebut?



20 Rajah 4 menunjukkan keseimbangan pasaran bagi suatu barang.




Rajah 4

Pilih pernyataan yang benar.

- A Kuantiti keseimbangan berlaku pada Q_1
 - B Wujud lebih permintaan pada tingkat harga P_1
 - C Wujud lebih penawaran pada tingkat harga P_2
 - D Harga tidak cenderung untuk berubah pada tingkat harga P_0
- 21 Aliran manakah yang menunjukkan aliran fizikal dalam aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor?
- I Syarikat Abu mengeluarkan kasut sukan untuk pasaran tempatan
 - II Encik Hamid bekerja sebagai pegawai pemasaran di syarikat Abu
 - III Encik Hamid membeli kasut daripada syarikat Abu dengan potongan harga
 - IV Syarikat Abu membayar gaji Encik Hamid yang terlibat dalam proses pengeluaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 22 Rajah 5 menunjukkan proses mencapai tingkat keseimbangan pasaran buruh.



Rajah 5

Pernyataan manakah yang menerangkan tentang X?

- A Kadar pengangguran berkurangan
 - B Lebihan permintaan buruh berlaku
 - C Upah keseimbangan lebih tinggi daripada upah buruh
 - D Kuantiti buruh ditawarkan melebihi kuantiti buruh diminta
- 23 Apakah persamaan ciri yang membolehkan wang berfungsi sebagai alat penyimpan nilai dan alat bayaran tertunda?
- A Keseragaman
 - B Mudah dibawa
 - C Diterima umum
 - D Kestabilan nilai
- 24 Pasangan manakah benar tentang fungsi wang mengatasi masalah sistem barter?

	Fungsi Wang	Masalah Sistem Barter
A	Alat perantaraan pertukaran	Kesukaran untuk dibahagikan kepada unit-unit yang lebih kecil
B	Alat simpanan nilai	Komoditi yang digunakan tidak tahan lama
C	Alat ukuran nilai	Sukar memenuhi kehendak serentak
D	Alat bayaran tertunda	Nilai komoditi yang tidak menentu

- 25 Cukai langsung adalah cukai yang dikenakan terhadap
- A pemilik tanah
 - B pembeli kereta tempatan
 - C minyak sawit yang dieksport
 - D minyak wangi yang diimport

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan satu kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.

- Puan Suraya adalah pemegang akaun tabungan di Bank B & B Berhad.
- Beliau membeli polisi insurans nyawa dari syarikat insurans Bernama Berhad.
- Jumlah bayaran premium yang perlu dibayar setiap bulan adalah sebanyak RM250.
- Beliau mengarahkan pihak bank membuat bayaran tersebut pada setiap 25 hari bulan secara tetap dan berulang kepada syarikat insurans.

Apakah kemudahan tersebut?


- A Draf bank
 - B Debit langsung
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada
- 27 Maklumat berikut menunjukkan tindakan bank pusat mengawal satu keadaan ketidakstabilan ekonomi.

Keperluan rizab berkanun dinaikkan tiga kali ganda sebagai langkah awal mengurus peningkatan masalah tunai berlebihan yang boleh membawa kepada peningkatan harga barangan.

Apakah tindakan lain yang boleh dilakukan oleh bank pusat untuk mengawal keadaan tersebut?

- A Beli surat jaminan kerajaan
 - B Naikkan nisbah rizab tunai
 - C Longgarkan syarat sewa beli
 - D Turunkan kadar faedah pinjaman
- 28 Antara yang berikut, yang manakah kelebihan meminjam daripada sumber dalam negara?
- I Beban pinjaman lebih rendah
 - II Jumlah pinjaman lebih banyak
 - III Lebih mudah mendapat pinjaman
 - IV Boleh membiayai projek mega kerajaan
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

29 Gambar manakah yang menunjukkan contoh pekerjaan sektor kedua?



- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Apakah sumber hutang luar negara?

- A Sijil pelaburan
- B Kredit pembekal
- C Pinjaman bersindiket
- D Surat jaminan kerajaan

- 31** Situasi manakah yang boleh menyebabkan imbalan akaun perkhidmatan cenderung bertambah baik?
- A** Persatuan-persatuan bola sepak di Malaysia mengambil lebih ramai pemain luar negara
 - B** Lembaga Tabung Haji menyewa kapal terbang Arab Saudi untuk membawa jemaah haji ke Mekah
 - C** Ramai pelancong Taiwan menggunakan kapal terbang AirAsia untuk ke Malaysia
 - D** Syarikat pengeksport Malaysia mengambil insurans perkapalan dari Amerika Syarikat
- 32** Pernyataan manakah yang dapat memperbaiki imbalan pembayaran Malaysia?
- A** Import barang pelaburan dari negara Eropah meningkat
 - B** Penghantaran pelajar cemerlang ke New Zealand bertambah
 - C** Kemasukan pelancong asing dari negara Timur Tengah meningkat
 - D** Jumlah pelaburan oleh pelabur tempatan ke negara China bertambah
- 33** Situasi manakah yang menunjukkan berlakunya permintaan ke atas Ringgit Malaysia?
- I** Encik Haris ke London untuk menonton perlawanan bola sepak di stadium Wembley
 - II** Syarikat Megah Sendirian Berhad membeli mesin jahit dari Jepun
 - III** Syarikat PTL Limited dari India mengimport minyak sawit dari Malaysia
 - IV** Puan Karen dari Amerika menginap di Hotel Empress sempena perlumbaan kereta Formula One di Sepang
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 34** Apakah kesan ke atas eksport dan import Malaysia apabila kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia meningkat?
- A** Harga barang eksport mahal
 - B** Imbalan dagangan bertambah baik
 - C** Jumlah import Malaysia berkurangan
 - D** Permintaan Ringgit Malaysia meningkat

Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Tabungan ialah baki pendapatan boleh guna yang tidak dibelanjakan oleh individu.
 II Individu yang menabung di bank akan menerima pulangan dalam bentuk untung.
- 36 I Isi rumah adalah individu atau sekumpulan individu yang tinggal bersama dan membuat keputusan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.
 II Isi rumah membekalkan faktor pengeluaran untuk memperoleh pendapatan.
- 37 I Dalam pengeluaran jangka pendek, input tetap berubah secara langsung dengan tingkat keluaran.
 II Contoh input tetap ialah buruh.
- 38 I Encik Lim dibayar faedah yang tinggi kerana dia adalah pemegang akaun simpanan tetap di bank perdagangan.
 II Sebagai pemegang akaun simpanan tetap, Encik Lim mendapat kemudahan overdraf.
- 39 I Inflasi berlaku apabila negara menghadapi masalah lebih stok barangan.
 II Semasa inflasi, kerajaan melalui alat belanjawan negara akan meningkatkan kadar cukai dan menurunkan perbelanjaan kerajaan.
- 40 I Kawalan pertukaran asing merupakan satu bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.
 II Kawalan pertukaran asing menyebabkan permintaan barang import menurun.

KERTAS SOALAN TAMAT

Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35** I Tabungan ialah baki pendapatan boleh guna yang tidak dibelanjakan oleh individu.
 II Individu yang menabung di bank akan menerima pulangan dalam bentuk untung.
- 36** I Isi rumah adalah individu atau sekumpulan individu yang tinggal bersama dan membuat keputusan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.
 II Isi rumah membekalkan faktor pengeluaran untuk memperoleh pendapatan.
- 37** I Dalam pengeluaran jangka pendek, input tetap berubah secara langsung dengan tingkat keluaran.
 II Contoh input tetap ialah buruh.
- 38** I Encik Lim dibayar faedah yang tinggi kerana dia adalah pemegang akaun simpanan tetap di bank perdagangan.
 II Sebagai pemegang akaun simpanan tetap, Encik Lim mendapat kemudahan overdraf.
- 39** I Inflasi berlaku apabila negara menghadapi masalah lebih stok barangan.
 II Semasa inflasi, kerajaan melalui alat belanjawan negara akan meningkatkan kadar cukai dan menurunkan perbelanjaan kerajaan.
- 40** I Kawalan pertukaran asing merupakan satu bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.
 II Kawalan pertukaran asing menyebabkan permintaan barang import menurun.

KERTAS SOALAN TAMAT